

Media Title	: Berita Harian
Headline	: AMMB peneraju agenda ESG bank bermodal sederhana
Date	: 23 March 2024
Section	: Bisnes
Page	: 40



AMMB peneraju agenda ESG bank bermodal sederhana

AMMB Holdings Bhd antara peneraju agenda alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam kalangan bank bermodal sederhana.

Penganalisis RHB Research, Nabil Thoo berkata, selepas mengemas kini skor ESG untuk sektor perbankan, AMMB muncul sebagai bank yang mencatat skor tertinggi antara bank yang bersaiz lebih kecil sehingga sederhana.

Beliau berkata, ia mencatat skor ESG baharu 3.2 daripada 3.0 sebelum ini. Kedudukan pertama itu katanya dikongsi dengan satu bank lain.

“Kami memuji AMMB disebabkan oleh perkembangannya yang kukuh dalam menambah baik jejak karbon dalamannya.

“Kami menantikan pengumuman akan datang berkenaan strategi untuk menangani jejak karbon yang turut dilepaskan oleh pelanggannya.

“Selain itu, ia juga melaksanakan usaha yang bagus menggalakkan penggunaan ESG dalam kalangan perusahaan kecil dan se-

derhana (PKS),” katanya dalam satu nota penyelidikan hari ini.

Seorang lagi Penganalisis RHB Research, David Chong pula berkata, usaha penyahkarbonan dalaman yang dilaksanakan oleh AMMB membawa hasil apabila jumlah pelepasan gas rumah hijau pada 2023 jatuh 30 peratus berbanding garis asas 2019 yang ditetapkan.

Beliau berkata, perkara ini tidak termasuk imbanan karbon melalui pensijilan tenaga boleh baharu (RE) dan penjanaan solar.

Kumpulan itu juga katanya giat membiayai projek harta tanah hijau, seperti yang dilihat apabila ia memeterai kerjasama dengan beberapa pemaju harta tanah untuk membiayai projek

yang menerima pensijilan hijau.

Bank itu juga terbabit katanya dalam program pembangunan kapasiti buat PKS, termasuklah bertindak sebagai bank rasmi bagi program Penghijauan Rantaian Nilai yang dilaksanakan oleh Kossan Rubber Industries.

“Namun AMMB masih belum melaporkan pelepasan Skop 3 yang ia biayai.

“Dengan francis perbankan korporatnya yang besar (sekitar 20 peratus daripada buku pinjaman belum bayar, kami berpendapat bahawa penjejakan pelepasan oleh pelanggan adalah langkah yang perlu dijalankan demi membangunkan pelan peralihan yang bersesuaian,” katanya.

 Kami memuji AMMB sebab perkembangannya yang kukuh dalam menambah baik jejak karbon dalamannya 

Nabil Thoo,
Penganalisis RHB Research

